



MALAYSIA

# Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil. 46  
No. 22

**24hb Oktober 2002**

*TAMBAHAN No. 110  
PERUNDANGAN (A)*

**P.U. (A) 421.**

**AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976**

**UNDANG-UNDANG KECIL TAMAN (WILAYAH PERSEKUTUAN  
PUTRAJAYA) 2002**

**SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL**

Undang-  
undang  
kecil

1. Nama dan pemakaian
2. Tafsiran
3. Kesalahan
4. Kemasukan binatang dilarang
5. Menjerat atau membunuh binatang dan burung dilarang
6. Kereta melebihi dua tan metrik dilarang
7. Meletak kenderaan sembarangan dilarang
8. Kelakuan tidak sopan

Undang-  
undang  
kecil

9. Penutupan taman
10. Penalti
11. Pembatalan

## AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

### UNDANG-UNDANG KECIL TAMAN (WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA) 2002

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], sebagaimana yang diubah suai oleh Perintah Wilayah Persekutuan Putrajaya (Pengubahsuaian Akta Kerajaan Tempatan 1976) 2002 [*P.U. (A) 142/2002*], Perbadanan Putrajaya membuat dan menurut seksyen 103 Akta, Menteri mengesahkan, undang-undang kecil yang berikut:

#### **Nama dan pemakaian**

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Taman (Wilayah Persekutuan Putrajaya) 2002**.

(2) Undang-Undang Kecil ini hendaklah terpakai hanya bagi Wilayah Persekutuan Putrajaya.

#### **Tafsiran**

2. Dalam Undang-Undang Kecil ini melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“kenderaan motor” ertinya tiap-tiap jenis kereta yang digerakkan oleh jentera yang terdapat di dalamnya dan dibina atau disesuaikan supaya boleh digunakan di atas jalan termasuklah treler;

“pegawai diberi kuasa” ertinya mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Perbadanan;

“Perbadanan” ertinya Perbadanan Putrajaya yang ditubuhkan di bawah seksyen 3 Akta Perbadanan Putrajaya 1995 [*Akta 536*];

“struktur” ertinya apa-apa rumah, pondok, bangsal, warung, papan tanda, khemah, gerai, meja, tiang, tempat berteduh, kepungan beratap, pelantar, pagar, pintu pagar, tiang besar, pagar pancang, bingkai, papan dendeng, landasan, alat perkakas taman dan jalan atau apa-apa sambungan atau apa-apa bangunan lain dari apa-apa jua bahan;

“taman” termasuklah kebun bunga, tasik, taman rekreasi atau hiburan, dataran awam, jalan berhias, sesiaran, persimpangan, trek sikal, laluan pejalan kaki, batasan tengah sepanjang jalan, sisian jalan, jalan rizab, anak sungai, sungai, tebing sungai atau mana-mana pekarangan yang disenggara atau di bawah bidang kuasa Perbadanan.

#### **Kesalahan**

3. Seseorang yang dalam mana-mana taman yang—

(a) mengalih atau mencatitkan apa-apa notis atau undang-undang kecil yang dipamerkan di taman itu;

- 
- (b) membawa bersama-samanya atau menampalkan atau menegakkan apa-apa pelekat, notis, sepanduk, bendera atau iklan pada atau di atas apa-apa tembok, pokok, pagar atau struktur;
  - (c) menggunakan apa-apa pelaung, penguat suara, sistem siar raya, atau lampu tumpu tanpa kebenaran bertulis daripada Perbadanan terlebih dahulu;
  - (d) mengalih, memindah, merosakkan atau mencacatkan mana-mana tempat duduk, perkakas tempat permainan kanak-kanak atau peralatan yang lain;
  - (e) menempatkan, melonggok atau membuang atau menyebabkan atau membenarkan ditempatkan, dilonggokkan atau dibuangkan apa-apa debu, kotoran, kertas, abu, bangkai binatang, sampah, kotak, tong, bungkusan atau artikel lain, atau menjatuhkan, menumpahkan, atau menabur apa-apa kotoran, pasir, tanah, batu kelikir, tanah gembur, batu, rumput, jerami, ketaman, abuk papan, sampah di kebun bunga, sampah di kandang kuda, sampah perdagangan, baja, sampah-sarap, atau apa-apa benda atau bahan lain daripada kenderaan yang bergerak atau tidak bergerak atau dengan apa-apa cara lain atau membuang, meninggalkan apa-apa botol, gelas, tin, pembalut makanan, sisa-sisa makanan atau apa-apa artikel atau barang lain;
  - (f) memanjat mana-mana tembok, pagar, struktur atau pokok;
  - (g) menunggang basikal atau basikal beroda tiga atau memandu kenderaan motor di atas mana-mana rumput atau lorong jalanan;
  - (h) berjalan di atas batas bunga atau pokok-pokok renik;
  - (i) memotong, memetik, mengalih, merosakkan atau memusnahkan mana-mana bunga, buah-buahan, biji benih, rumput, tumbuh-tumbuhan atau pokok-pokok atau mana-mana bahagian daripadanya;
  - (j) mengalihkan mana-mana rumput atau mengorek mana-mana tanah;
  - (k) melontar atau membuang apa-apa batu atau pelontar yang lain;
  - (l) mandi di mana-mana tasik atau anak sungai kecuali di mana-mana tempat yang telah ditetapkan oleh Perbadanan;
  - (m) mengalirkan atau menyebabkan dialirkan apa-apa bahan buangan atau cecair buangan daripada mana-mana premis ke dalam sesuatu tasik atau anak sungai dan yang mencemar atau mungkin mencemarkan tasik atau anak sungai itu;
  - (n) menggunakan apa-apa bot di mana-mana tasik atau anak sungai kecuali dengan kebenaran bertulis daripada Perbadanan atau mengganggu dengan apa-apa cara akan aliran air daripada mana-mana tasik yang melimpahi alur air;
  - (o) menangkap ikan di mana-mana tasik atau anak sungai kecuali di tempat yang ditetapkan oleh Perbadanan;
  - (p) memasang api atau membakar bunga api atau mercun atau menembak tanpa kebenaran yang sah apa-apa senjata api atau senapang angin kecuali di tempat yang ditetapkan oleh Perbadanan;

- (q) bermain layang-layang atau apa-apa permainan kecuali di tempat yang diperuntukkan dengan nyata bagi permainan itu;
- (r) berumur lebih daripada 12 tahun, menggunakan apa-apa alat tempat permainan kanak-kanak;
- (s) membasuh apa-apa barang atau menepuk atau mengeringkan apa-apa permaidani atau tikar;
- (t) menegakkan apa-apa struktur tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada Perbadanan terlebih dahulu;
- (u) mempamer atau mendedahkan untuk jualan atau menjual apa-apa barang, benda makanan atau minuman kecuali di tempat yang ditetapkan dan pada sesuatu masa yang diluluskan oleh Perbadanan;
- (v) bersyarah atau menyampaikan apa-apa ucapan atau perhimpunan awam di taman bagi maksud mengadakan atau mengambil bahagian dalam apa-apa mesyuarat ugama, politik atau apa-apa mesyuarat lain atau mengadakan apa-apa tunjuk perasaan tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada Perbadanan;
- (w) menggunakan apa-apa bahasa yang tidak sopan atau kesat atau berkelakuan tidak sopan atau menyakitkan hati;
- (x) meludah, membuang air kecil atau besar;
- (y) menghalang mana-mana pegawai diberi kuasa dalam menjalankan tugasnya,

adalah melakukan suatu kesalahan.

#### **Kemasukan binatang dilarang**

4. (1) Tiada seorang pun boleh menyebabkan atau membiarkan mana-mana binatang kecuali kuda memasuki atau berada di mana-mana taman.

(2) Kuda itu hendaklah ditempatkan di tempat-tempat yang ditetapkan oleh Perbadanan.

(3) Mana-mana orang yang melanggar undang-undang kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan.

#### **Menjerat atau membunuh binatang dan burung dilarang**

5. (1) Tiada seorang pun boleh menjerat atau membunuh mana-mana binatang atau burung di sesuatu taman atau ada dalam milikannya dalam sesuatu taman apa-apa alat atau peralatan untuk menjerat binatang atau burung.

(2) Mana-mana pegawai diberi kuasa boleh menyita alat atau peralatan itu daripada mana-mana orang yang didapati memiliki alat atau peralatan berkenaan di taman itu.

(3) Mana-mana orang yang melanggar undang-undang kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan.

**Kereta melebihi dua tan metrik dilarang**

6. (1) Tiada seorang pun boleh menyebabkan kenderaan motor yang beratnya lebih daripada dua tan metrik memasuki mana-mana taman tanpa kebenaran bertulis daripada Perbadanan.

(2) Mana-mana orang yang melanggar undang-undang kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan.

**Meletak kenderaan sembarangan dilarang**

7. (1) Tiada seorang pun boleh meletak kenderaan motor, basikal, atau basikal beroda tiga di mana-mana tempat dalam mana-mana taman kecuali di suatu tempat yang dikhaskan oleh Perbadanan untuk meletak kenderaan motor, basikal atau basikal beroda tiga.

(2) Jika dalam mana-mana hal, suatu kenderaan motor diletakkan di mana-mana tempat di taman itu selain di tempat yang dikhaskan untuk meletak kenderaan motor itu dan pemandu atau seseorang yang bertanggungjawab atau mempunyai kawalan terhadap kenderaan motor itu tidak diketahui atau tidak boleh dipastikan pemunya berdaftar kenderaan motor itu hendaklah dianggap melainkan dibuktikan sebaliknya telah melakukan suatu kesalahan.

**Kelakuan tidak sopan**

8. (1) Tiada seorang pun boleh berkelakuan secara tidak sopan dalam sesuatu taman.

(2) Mana-mana orang yang melakukan apa-apa perbuatan yang melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini boleh diperintah keluar dari mana-mana taman oleh mana-mana pegawai diberi kuasa dan boleh enggan diterima masuk kemudiannya.

(3) Mana-mana orang yang enggan mematuhi perintah di bawah perenggan (2) boleh diusir dari taman itu dengan menggunakan kekerasan yang munasabah.

(4) Mana-mana orang yang melanggar undang-undang kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan.

**Penutupan taman**

9. Pegawai diberi kuasa boleh menutup sesuatu taman atau mana-mana bahagian daripadanya pada bila-bila masa.

**Penalti**

10. Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah undang-undang kecil 3, 4, 5, 6 dan 8, boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya, dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, boleh dikenakan denda tidak melebihi dua ratus ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.

**Pembatalan**

11. Undang-Undang Kecil Taman (Perbadanan Putrajaya) 1999 [*Sel. P.U. 20/99*] dibatalkan.

Dibuat 22 Ogos 2002  
[PPj/Undang(A) 4-7; PN(PU<sup>2</sup>)553/II]

TAN SRI DATO' SERI AZIZAN BIN ZAINUL ABIDIN  
*Presiden,*  
*Perbadanan Putrajaya*

Disahkan 17 September 2002

DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD  
*Perdana Menteri*

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

PARKS (FEDERAL TERRITORY OF PUTRAJAYA)  
BY-LAWS 2002

---

ARRANGEMENT OF BY-LAWS

---

By-law

1. Citation and application
2. Interpretation
3. Offences
4. Entry of animals not allowed
5. Catching or killing animals and birds prohibited
6. Vehicle over two metric tons prohibited
7. Indiscriminate parking prohibited
8. Indecent manner
9. Closure of park
10. Penalty
11. Revocation



## LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

## PARKS (FEDERAL TERRITORY OF PUTRAJAYA) BY-LAWS 2002

IN exercise of the powers conferred by section 102 of the Local Government Act 1976 [*Act 171*], as modified by the Federal Territory of Putrajaya (Modification of Local Government Act 1976) Order 2002 [*P.U. (A) 142/2002*], Perbadanan Putrajaya makes and pursuant to section 103 of the Act, the Minister confirms, the following by-laws:

**Citation and application**

1. (1) These by-laws may be cited as the **Parks (Federal Territory of Putrajaya) By-Laws 2002**.

(2) These By-Laws shall apply only to the Federal Territory of Putrajaya.

**Interpretation**

2. In these By-Laws unless the context otherwise requires—

“motor vehicle” means every description of vehicle propelled by means of mechanism contained within itself and constructed or adapted so as to be capable of being used on roads, and includes a trailer;

“authorised officer” means any officer authorised in writing by the Perbadanan;

“Perbadanan” means the Perbadanan Putrajaya established under section 3 of the Perbadanan Putrajaya Act 1995 [*Act 536*];

“structure” means any house, hut, shed, stall, signboard, tent, booth, table, pole, shelter, roofed enclosure, platform, fence, gate, pillar, paling, frame, hoarding, slip, parks and street furniture or any extension or any other erection of whatever material;

“parks” includes public gardens, lakes, recreation or pleasure grounds, public squares, boulevards, promenades, interchanges, cycle tracks, pedestrian walks, central dividers along roads, sides of roads, road reserves, streams, rivers, river bank or any other grounds maintained or under the jurisdiction of the Perbadanan.

**Offences**

3. Any person who in any park—

(a) removes or defaces any notice or by-laws exhibited in the park;

(b) carries with him or affixes or posts any placard, notice, banner, flag or advertisement to or on any wall, tree, fence or structure;

(c) uses any loud hailer, amplifier, public address system or spotlight without previous written permission of the Perbadanan;

- 
- (d) removes, displaces, destroys or defaces any seat, children's playground apparatus or other appliances;
  - (e) places, deposits or throws or causes or allows to be placed, deposited or thrown any dust, dirt, paper, ash, carcass, refuse, box, barrel, bale or other article, or drops, spills, or scatter any dirt, sand, earth, gravel, loam, stone, grass, straw, shaving, sawdust, garden refuse, stable refuse, trade refuse, manure, garbage, or any other thing or matter from a moving or stationary vehicle or in any other manner or throws, leaves behind any bottle, glass, can, food wrapper, particle of food or any other article or thing;
  - (f) climbs any wall, fence, structure or tree;
  - (g) rides a bicycle or tricycle or drives a motor vehicle over any lawn or footpath;
  - (h) walks over flower beds or shrubberies;
  - (i) cuts, plucks, remove, damages or destroys any flowers, fruits, seeds, grass, plants or trees or any portion thereof;
  - (j) removes any turf or excavates any earth;
  - (k) throws or discharges any stone or other missile;
  - (l) bathes in any lake or stream except at any place designated by the Perbadanan;
  - (m) discharges or causes to be discharged any waste matter or effluent from any premises into a lake or stream and which pollutes or is likely to pollute such lake or stream;
  - (n) uses any boat in any lake or stream except with the written permission of the Perbadanan or interferes in any way with the flow of water from any lake over the spills;
  - (o) catches fish in any lake or stream except at any place designated by the Perbadanan;
  - (p) kindles any fire or lets off any fireworks or crackers or discharges without lawful excuse any firearm or airgun except at the place designated by the Perbadanan;
  - (q) flies any kite or plays any games except in the places expressly allotted for such games;
  - (r) being over the age of 12 years, uses any children's playground apparatus;
  - (s) washes anything or beats or dries any carpet or mat;
  - (t) erects any structure without the previous written permission of the Perbadanan;

- (u) exhibits or exposes for sale or sells any goods, article or food or drink except at such places designated and on such occasions approved by the Perbadanan;
- (v) preaches or delivers any public address or assembles in the park for the purpose of holding or taking part in any religious, political or any other meeting or makes any demonstration without a written permission of the Perbadanan;
- (w) uses any indecent or offensive language or behaves in an indecent or offensive manner;
- (x) spits, urinates or defecates;
- (y) obstructs any authorised officer in the execution of their duties, commits an offence.

**Entry of animals not allowed**

4. (1) No person shall cause or allow any animal except for horses to enter or remain in any park.

(2) The horses shall be placed in a designated area determined by the Perbadanan.

(3) Any person who contravenes this by-law commits an offence.

**Catching or killing animals and birds prohibited**

5. (1) No person shall catch or kill any animal or bird in a park or have in his possession in a park any device or instrument for catching of animals.

(2) Any authorised officer may seize such device or instrument from any person found possessing the device or instrument in the park.

(3) Any person who contravenes this by-law commits an offence.

**Vehicle over two metric tons prohibited**

6. (1) No person shall cause any motor vehicle weighing more than two metric tons to enter any park without the written permission of the Perbadanan.

(2) Any person who contravenes this by-law commits an offence.

**Indiscriminate parking prohibited**

7. (1) No person shall park any motor vehicle, bicycle or tricycle in any place in any park except in a place which is reserved by the Perbadanan for the parking of such motor vehicle or bicycle or tricycle.

(2) If in any case, a motor vehicle is parked in any place in the park other than in a place reserved for the parking of such motor vehicle and the driver or a person having in charge or control of the motor vehicle is not known or cannot be established the registered owner of the motor vehicle shall be presumed unless the contrary is proven commits an offence.

#### **Indecent manner**

8. (1) No person shall behave in an indecent manner in any park.

(2) Any person committing any act in contravention of any of the provisions of these by-laws may be ordered out of any park by the authorised officer and may be refused admission subsequently.

(3) Any person refusing to obey such orders under paragraph (2) may, with reasonable force, be removed from such park.

(4) Any person who contravenes this by-law commits an offence.

#### **Closure of park**

9. The authorised officer may close any park or any portion of the park at any time.

#### **Penalty**

10. Any person who commits an offence under by-laws 3, 4, 5, 6 and 8 shall be liable to a fine not exceeding two thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding one year or to both and in the case of a continuing offence to a fine not exceeding two hundred ringgit for every day during which the offence is continued after conviction.

#### **Revocation**

11. The Parks (Perbadanan Putrajaya) By-laws 1999 [Sel. P.U. 20/99] is revoked.

Made 22 August 2002  
[PPj/Undang(A) 4-7; PN(PU<sup>2</sup>)553/II]

TAN SRI DATO' SERI AZIZAN BIN ZAINUL ABIDIN  
*President,*  
*Perbadanan Putrajaya*

Confirmed 17 September 2002

DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD  
*Prime Minister*

**P.U. (A) 422.****AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971****PERINTAH KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN & TEKNOLOGI  
MALAYSIA (PEMERBADANAN) 2002**

BAHAWASANYA seksyen 20 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30] memperuntukkan bahawa jika Yang di-Pertuan Agong berpuas hati bahawa adalah suai manfaat demi kepentingan negara supaya suatu Kolej Universiti ditubuhkan, dia boleh dengan perintah menubuhkan Kolej Universiti itu mengikut seksyen itu:

DAN BAHAWASANYA Yang di-Pertuan Agong berpuas hati bahawa suatu Kolej Universiti patut ditubuhkan:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN menurut kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen 20 Akta, Yang di-Pertuan Agong membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kolej Universiti Kejuruteraan & Teknologi Malaysia (Pemerbadanan) 2002**.

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 16 Februari 2002.

**Penubuhan perbadanan**

2. (1) Suatu yayasan pelajaran tinggi yang mempunyai taraf Kolej Universiti, yang hendaklah menjadi suatu pertubuhan perbadanan, ditubuhkan bagi maksud mengadakan, memajukan dan mengembangkan pelajaran tinggi dalam bidang sains dan teknologi dan bidang pengajian lain yang perlu, serta bagi mengadakan penyelidikan, pengumpulan dan pemajuan pengetahuan, dan penyebaran pengetahuan, dalam bidang pengajian itu.

(2) Yayasan pelajaran tinggi dalam subseksyen (1) hendaklah dikenali dengan nama dan gelaran “Kolej Universiti Kejuruteraan & Teknologi Malaysia”.

(3) Tapak Kolej Universiti Kejuruteraan & Teknologi Malaysia, tempat terletakinya Kolej Universiti itu, adalah di Lot No. PT 25752, H.S. (M) 23913, Mukim Kuala Kuantan, Daerah Kuantan, Pahang Darul Makmur.

Dibuat 27 September 2002  
[KP.S(PT)7300/8; PN(PU<sup>2</sup>)75Q]

Dengan Titah Perintah

TAN SRI DATO’ SERI MUSA BIN MOHAMAD  
*Menteri Pendidikan*

[Akan dibentangkan dalam kedua-dua Majlis Parlimen menurut subseksyen 6(2) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971]

## UNIVERSITIES AND UNIVERSITY COLLEGES ACT 1971

KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN & TEKNOLOGI MALAYSIA  
(INCORPORATION) ORDER 2002

WHEREAS section 20 of the Universities and University Colleges Act 1971 [Act 30] provides that if the Yang di-Pertuan Agong is satisfied that it is expedient in the national interest that a University College should be established, he may by order establish the University College in accordance with that section:

AND WHEREAS the Yang di-Pertuan Agong is satisfied that a University College should be established:

NOW THEREFORE by virtue of the powers conferred upon him by section 20 of the Act, the Yang di-Pertuan Agong makes the following order:

**Citation and commencement**

1. (1) This order may be cited as the **Kolej Universiti Kejuruteraan & Teknologi Malaysia (Incorporation) Order 2002**.

(2) This Order is deemed to have come into operation on 16 February 2002.

**Establishment of corporation**

2. (1) A higher educational institution having the status of a University College, which shall be a body corporate, is established for the purpose of providing, promoting and developing higher education in the fields of science and technology and other necessary fields of study, as well as to provide for research, accumulation and advancement of knowledge, and dissemination of knowledge, in those fields of study.

(2) The higher educational institution in subsection (1) shall be known by the name and style of “Kolej Universiti Kejuruteraan & Teknologi Malaysia”.

(3) The site of the Kolej Universiti Kejuruteraan & Teknologi Malaysia, which shall be the seat of the University College, shall be located at Lot No. PT 25752, H.S. (M) 23913, Mukim Kuala Kuantan, Daerah Kuantan, Pahang Darul Makmur.

Made 27 September 2002  
[KP.S(PT)7300/8; PN(PU<sup>2</sup>)75Q]

By Command

TAN SRI DATO' SERI MUSA BIN MOHAMAD  
*Minister of Education*

*[To be laid before both Houses of Parliament pursuant to subsection 6(2) of the Universities and University Colleges Act 1971]*

**P.U. (A) 423.****AKTA INSTITUSI-INSTITUSI PELAJARAN (TATATERTIB) 1976****PERINTAH INSTITUSI-INSTITUSI PELAJARAN (TATATERTIB)  
(JADUAL PERTAMA) (PINDAAN) 2002**

PADA menjalankan kuasa yang diberi oleh subseksyen 22(2) Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976 [*Akta 174*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama**

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) (Jadual Pertama) (Pindaan) 2002**.

**Pindaan Jadual Pertama**

2. Jadual Pertama kepada Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976 dipinda dengan memasukkan dalam ruang masing-masing selepas butiran 61 butiran yang berikut:

|                              |                                                     |
|------------------------------|-----------------------------------------------------|
| “62. Kolej Matrikulasi Perak | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20.  |
| 63. Kolej Matrikulasi Johor  | Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20”. |

Dibuat 2 Oktober 2002  
[KP(BM)05/001/002; PN(PU<sup>2</sup>)365/II]

TAN SRI DATO' SERI MUSA BIN MOHAMAD  
*Menteri Pendidikan*

**EDUCATIONAL INSTITUTIONS (DISCIPLINE) ACT 1976****EDUCATIONAL INSTITUTIONS (DISCIPLINE) (FIRST SCHEDULE)  
(AMENDMENT) ORDER 2002**

IN exercise of the powers conferred by subsection 22(2) of the Educational Institutions (Discipline) Act 1976 [*Act 174*], the Minister makes the following order:

**Citation**

1. This order may be cited as the **Educational Institutions (Discipline) (First Schedule) (Amendment) Order 2002**.

**Amendment of First Schedule**

2. The First Schedule to the Educational Institutions (Discipline) Act 1976 is amended by inserting in the respective columns after item 61 the following items:

|                              |                                                      |
|------------------------------|------------------------------------------------------|
| “62. Kolej Matrikulasi Perak | The whole Act except sections 4, 17, 18, 19 and 20.  |
| 63. Kolej Matrikulasi Johor  | The whole Act except sections 4, 17, 18, 19 and 20”. |

Made 2 October 2002

[KP(BM)05/001/002; PN(PU<sup>2</sup>)365/II]

TAN SRI DATO' SERI MUSA BIN MOHAMAD  
*Minister of Education*

**P.U. (A) 424.****AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967****PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECUALIAN) (No. 45) 2002**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [Akta 53], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 45) 2002**.

(2) Perintah ini disifatkan mula berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2001.

**Pengecualian**

2. (1) Menteri mengecualikan Sistem Penerbangan Malaysia Berhad daripada pembayaran cukai pendapatan berkenaan dengan semua pendapatan yang diperoleh dalam tahun asas bagi tahun taksiran 2001 hingga tahun taksiran 2005.

(2) Tiada apa-apa jua dalam subperenggan (1) boleh melepaskan atau disifatkan telah melepaskan Sistem Penerbangan Malaysia Berhad daripada mematuhi apa-apa kehendak untuk mengemukakan apa-apa penyata atau penyata akaun atau memberikan apa-apa maklumat lain di bawah peruntukan Akta.



**Pemakaian perenggan 5 dan 6 Jadual 7A**

3. Perenggan 5 dan 6 Jadual 7A kepada Akta hendaklah terpakai, *mutatis mutandis*, bagi amaun pendapatan yang dikecualikan di bawah subperenggan 2(1).

Dibuat 19 September 2002

[Perb. 0.3865/272(58); LHDN. 01/35/(S)/42/51/231-2;  
PN(PU<sup>2</sup>)80/XXXIII]

Bagi pihak dan atas nama Menteri Kewangan

CHAN KONG CHOY  
*Timbalan Menteri Kewangan*

[*Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 127(4) Akta Cukai Pendapatan 1967*]

**INCOME TAX ACT 1967****INCOME TAX (EXEMPTION) (No. 45) ORDER 2002**

In exercise of the powers conferred by paragraph 127(3)(b) of the Income Tax Act 1967 [Act 53], the Minister makes the following order:

**Citation and commencement**

1. (1) This order may be cited as the **Income Tax (Exemption) (No. 45) Order 2002**.

(2) This Order is deemed to have effect from the year of assessment 2001.

**Exemption**

2. (1) The Minister exempts Malaysian Airline System Berhad from the payment of income tax in respect of all income derived in the basis period for the year of assessment 2001 until the year of assessment 2005.

(2) Nothing in subparagraph (1) shall absolve or is deemed to have absolved Malaysian Airline System Berhad from complying with any requirement to submit any return or statement of accounts or to furnish any other information under the provisions of the Act.

**Application of paragraphs 5 and 6 of Schedule 7A**

3. Paragraphs 5 and 6 of Schedule 7A to the Act shall apply, *mutatis mutandis*, to the amount of income exempted under subparagraph 2(1).

Made 19 September 2002

[Perb. 0.3865/272(58); LHDN. 01/35/(S)/42/51/231-2;

PN(PU<sup>2</sup>)80/XXXIII]

On behalf and in the name of the Minister of Finance

CHAN KONG CHOY  
*Deputy Minister of Finance*

[*To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 127(4) of the Income Tax Act 1967*]

**P.U. (A) 425.****AKTA SETEM 1949****PERINTAH DUTI SETEM (PENGECUALIAN) (No. 39) 2002**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 80(1) Akta Setem 1949 [*Akta 378*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Duti Setem (Pengecualian) (No. 39) 2002**.

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Julai 2002.

**Pengecualian**

2. (1) Suatu cara yang dinyatakan dalam Jadual yang disempurnakan berkaitan dengan pembelian suatu rumah kos rendah dikecualikan daripada duti setem.

(2) Bagi maksud subperenggan (1), “rumah kos rendah” ertinya suatu unit rumah yang dibina dalam suatu projek Perumahan Kos Rendah yang diluluskan oleh suatu Kerajaan Negeri atau pihak berkuasa berkenaan, berkenaan dengan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur atau Labuan dan—

(a) sekiranya terletak di Semenanjung Malaysia, dijual dengan harga yang tidak melebihi RM42,000.00; atau

(b) sekiranya terletak di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan, dijual dengan harga yang tidak melebihi RM47,000.00.

**Pembatalan**

3. Perintah Duti Setem (Pengecualian) (No. 33) 1999 [*P.U. (A) 475/1999*] yang disiarkan dalam *Warta* pada 11 November 1999 dibatalkan.

## JADUAL

- (a) Semua surat cara Perjanjian Jual Beli yang disempurnakan antara pembeli dengan pemaju pada atau selepas 1 Julai 2002.
- (b) Semua surat cara yang menguatkuasakan pindah hakmilik harta itu daripada pemaju atau tuan punya tanah yang berdaftar kepada pembeli yang dinamakan dalam Perjanjian Jual Beli dalam perenggan (a).
- (c) Semua surat cara dalam bentuk cagaran yang disempurnakan antara pembeli yang dinamakan dalam Perjanjian Jual Beli dalam perenggan (a) dengan suatu bank atau institusi kewangan atau majikan di bawah suatu skim pinjaman perumahan untuk pekerja bagi mendapatkan pendahuluan wang untuk membiayai pembelian harta itu.

Dibuat 9 Oktober 2002

[Perb. CR(8.09)248/39/7-90 Vol. 5; LHDN. 01/34/4268-180-1(18/02);  
PN(PU<sup>2</sup>)159/XXVII]

Bagi pihak dan atas nama Menteri Kewangan

CHAN KONG CHOY  
*Timbalan Menteri Kewangan*

## STAMP ACT 1949

## STAMP DUTY (EXEMPTION) (No. 39) ORDER 2002

IN exercise of the powers conferred by subsection 80(1) of the Stamp Act 1949 [Act 378], the Minister makes the following order:

**Citation and commencement**

1. (1) This order may be cited as the **Stamp Duty (Exemption) (No. 39) Order 2002**.

(2) This Order is deemed to have come into operation on 1 July 2002.

**Exemption**

2. (1) The instruments set out in the Schedule which are executed in connection with the purchase of low cost house are exempted from stamp duty.

(2) For the purpose of subparagraph (1), “low cost house” means a unit of house built within a Low Cost Housing project approved by a State Government or the appropriate authority, in respect of the Federal Territory of Kuala Lumpur or Labuan and—

- (a) if situated in Peninsular Malaysia, sold at a price not exceeding RM42,000.00; or
- (b) if situated in Sabah, Sarawak or the Federal Territory of Labuan, sold at a price not exceeding RM47,000.00.

**Revocation**

3. The Stamp Duty (Exemption) (No. 33) Order 1999 [P.U. (A) 475/1999] published in the *Gazette* on 11 November 1999 is revoked.

## SCHEDULE

- (a) All instruments of Sale and Purchase Agreement executed between the purchaser and the developer on or after 1 July 2002.
- (b) All instruments effecting the transfer of title of the property from the developer or the registered land owner to the purchaser named in the Sale and Purchase Agreement in paragraph (a).
- (c) All instruments in the nature of security executed between the purchaser named in the Sale and Purchase Agreement in paragraph (a) and a bank or financial institution or employer under an employee housing loan scheme for money advances to finance the purchase of the property.

Made 9 October 2002

[Perb. CR(8.09)248/39/7-90 Vol.5; LHDN. 01/34/4268-180-1(18/02; PN(PU<sup>2</sup>)159/XXVII]

On behalf and in the name of the Minister of Finance

CHAN KONG CHOY  
*Deputy Minister of Finance*

**P.U. (A) 426.****AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968**

PERINTAH PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG (PEMBETULAN AKTA  
PUNGUTAN RUMAH KE RUMAH DAN DI JALAN 1947) 2002

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 15 Akta Penyemakan Undang-Undang 1968 [*Akta 1*], Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang membuat perintah yang berikut:

**Nama**

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Penyemakan Undang-Undang (Pembetulan Akta Pungutan Rumah ke Rumah dan di Jalan 1947) 2002**.

**Pembetulan**

2. Cetakan semula teks bahasa Inggeris Akta Pungutan Rumah ke Rumah dan di Jalan 1947 [*Akta 200*] yang disiarkan dalam tahun 2001 yang mengandungi segala pindaan hingga 30 April 2001 dibetulkan dalam seksyen 4—

- (a) dalam perenggan (4)(a), dengan menggantikan perkataan “in-adequate” dengan perkataan “inadequate”;
- (b) dalam perenggan (4)(c), dengan menggantikan perkataan “thereat” dengan perkataan “threat”; dan

- (c) dalam subseksyen (9), dengan menggantikan perkataan “forth-with” dengan perkataan “forthwith”.

Dibuat 8 Oktober 2002  
[P.N.(SU.2)485; PN(PU<sup>2</sup>)231/II]

DATO' SALMAH BINTI ABDUL RAHMAN  
*Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang Malaysia*

## REVISION OF LAWS ACT 1968

### REVISION OF LAWS (RECTIFICATION OF HOUSE TO HOUSE AND STREET COLLECTIONS ACT 1947) ORDER 2002

IN exercise of the powers conferred by section 15 of the Revision of Laws Act 1968 [Act 1], the Commissioner of Law Revision makes the following order:

#### Citation

1. This order may be cited as the **Revision of Laws (Rectification of House to House and Street Collections Act 1947) Order 2002**.

#### Rectification

2. The reprint of the English language text of the House to House and Street Collections Act 1947 [Act 200] published in the year 2001 incorporating all amendments up to 30 April 2001 is rectified in section 4—

- (a) in paragraph (4)(a), by substituting for the word “in-adequate” the word “inadequate”;
- (b) in paragraph (4)(c), by substituting for the word “thereat” the word “threat”; and
- (c) in subsection (9), by substituting for the word “forth-with” the word “forthwith”.

Made 8 October 2002  
[P.N.(SU.2)485; PN(PU<sup>2</sup>)231/II]

DATO' SALMAH BINTI ABDUL RAHMAN  
*Commissioner of Law Revision Malaysia*

## P.U. (A) 427.

## AKTA PENERBANGAN AWAM 1969

## PERATURAN-PERATURAN PENERBANGAN AWAM (PINDAAN) (No. 2) 2002

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 3 Akta Penerbangan Awam 1969 [Akta 3], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Penerbangan Awam (Pindaan) (No. 2) 2002**.

(2) Peraturan-peraturan ini mula berkuat kuasa pada 24 Oktober 2002.

**Pindaan Jadual Kesembilan**

2. Peraturan-Peraturan Penerbangan Awam 1996 [*P.U. (A) 139/96*] dipinda dalam Jadual Kesembilan di bawah tajuk “Bahagian B” dalam butiran 1(6)(a) dengan menggantikan perkataan “3 bulan” dengan perkataan “90 hari”.

Dibuat 10 Oktober 2002  
[KD/BU/0.283/5; PN(PU<sup>2</sup>)38/V]

DATO' SERI DR. LING LIONG SIK  
*Menteri Pengangkutan*

## CIVIL AVIATION ACT 1969

## CIVIL AVIATION (AMENDMENT) (No. 2) REGULATIONS 2002

IN exercise of the powers conferred by section 3 of the Civil Aviation Act 1969 [Act 3], the Minister makes the following regulations:

**Citation and commencement**

1. (1) These regulations may be cited as the **Civil Aviation (Amendment) (No. 2) Regulations 2002**.

(2) These Regulations come into operation on 24 October 2002.

**Amendment of Ninth Schedule**

2. The Civil Aviation Regulations 1996 [*P.U. (A) 139/96*] are amended in the Ninth Schedule under the heading “Part B” in item 1(6)(a) by substituting for the words “3 months” the words “90 days”.

Made 10 October 2002  
[KD/BU/0.283/5; PN(PU<sup>2</sup>)38/V]

DATO' SERI DR. LING LIONG SIK  
*Minister of Transport*

**P.U. (A) 428.****AKTA CUKAI JUALAN 1972****PERINTAH CUKAI JUALAN (PENGECUALIAN) (PINDAAN) (No. 6) 2002**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 8 Akta Cukai Jualan 1972 [Akta 64], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Jualan (Pengecualian) (Pindaan) (No. 6) 2002**.

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 25 Oktober 2001.

**Pindaan Jadual B**

2. Perintah Cukai Jualan (Pengecualian) 1980 [P.U. (A) 365/80] dipinda dalam Bahagian I Jadual B berhubung dengan butiran 90 dalam ruang (2), dengan menggantikan perenggan (i) dengan perenggan yang berikut:

“(i) ExxonMobil Exploration and Production Malaysia Inc.;”.

Dibuat 7 Oktober 2002

[4 Sulit KE. HE.(96)/669/13-66/T/SK.13; Perb. 0.9060/18 Vol. 17 (SK. 10); PN(PU<sup>2</sup>)102/XII]

Bagi pihak dan atas nama Menteri Kewangan

CHAN KONG CHOY  
*Timbalan Menteri Kewangan*

**SALES TAX ACT 1972****SALES TAX (EXEMPTION) (AMENDMENT) (No. 6) ORDER 2002**

IN exercise of the powers conferred by section 8 of the Sales Tax Act 1972 [Act 64], the Minister makes the following order:

**Citation and commencement**

1. (1) This order may be cited as the **Sales Tax (Exemption) (Amendment) (No. 6) Order 2002**.

(2) This Order is deemed to have come into operation on 25 October 2001.

**Amendment of Schedule B**

2. The Sales Tax (Exemption) Order 1980 [*P.U. (A) 365/80*] is amended in Part I of Schedule B in relation to item 90 in column (2), by substituting for paragraph (i) the following paragraph:

“(i) ExxonMobil Exploration and Production Malaysia Inc.;”.

Made 7 October 2002

[4 Sulit KE. HE.(96)/669/13-66/T/SK.13; Perb. 0.9060/18 Vol. 17 (SK. 10); PN(PU<sup>2</sup>)102/XII]

On behalf and in the name of the Minister of Finance

CHAN KONG CHOY  
*Deputy Minister of Finance*

**P.U. (A) 429.**

**AKTA KASTAM 1967**

**PERINTAH DUTI KASTAM (PENGECUALIAN) (PINDAAN) (No. 5) 2002**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 14(1) Akta Kastam 1967 [*Akta 235*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Duti Kastam (Pengecualian) (Pindaan) (No. 5) 2002**.

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 25 Oktober 2001.

**Pindaan Jadual**

2. Perintah Duti Kastam (Pengecualian) 1988 [*P.U. (A) 410/87*] dipinda dalam Bahagian I Jadual, berhubung dengan butiran 107 dalam ruang (2), dengan menggantikan perenggan (i) dengan perenggan yang berikut:

“(i) ExxonMobil Exploration and Production Malaysia Inc.;”.

Dibuat 7 Oktober 2002

[4 Sulit KE. HE.(96)/669/13-66/T/SK.13; Perb. 0.9060/18 Vol. 17 (SK. 10); PN(PU<sup>2</sup>)338B/XIV]

Bagi pihak dan atas nama Menteri Kewangan

CHAN KONG CHOY  
*Timbalan Menteri Kewangan*



## CUSTOMS ACT 1967

## CUSTOMS DUTIES (EXEMPTION) (AMENDMENT) (NO. 5) ORDER 2002

IN exercise of the powers conferred by subsection 14(1) of the Customs Act 1967 [Act 235], the Minister makes the following order:

**Citation and commencement**

1. (1) This order may be cited as the **Customs Duties (Exemption) (Amendment) (No. 5) Order 2002**.

(2) This Order is deemed to have come into operation on 25 October 2001.

**Amendment of Schedule**

2. The Customs Duties (Exemption) Order 1998 [P.U. (A) 410/87] is amended in Part I of the Schedule, in relation to item 107 in column (2), by substituting for paragraph (i) the following paragraph:

“(i) ExxonMobil Exploration and Production Malaysia Inc.;”.

Made 7 October 2002

[4 Sulit KE. HE.(96)/669/13-66/T/SK.13; Perb. 0.9060/18 Vol. 17 (SK. 10); PN(PU<sup>2</sup>)338B/XIV]

On behalf and in the name of the Minister of Finance

CHAN KONG CHOY  
*Deputy Minister of Finance*

**P.U. (A) 430.**

## AKTA CUKAI JUALAN 1972

## PERINTAH CUKAI JUALAN (PENGEQUALIAN) (PINDAAN) (NO. 7) 2002

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 8 Akta Cukai Jualan 1972 [Akta 64], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Jualan (Pengecualian) (Pindaan) (No. 7) 2002**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 24 Oktober 2002.

**Pindaan Jadual A**

2. Perintah Cukai Jualan (Pengecualian) 1980 [*P.U. (A) 365/80*] dipinda dalam Jadual A dengan memasukkan selepas subkepala 1404.20 000 dan butir-butir yang berhubungan dengan subkepala itu butir-butir yang berikut:

| (1)<br><i>Customs<br/>Tariff<br/>Chapter</i> | (2)<br><i>Customs Tariff<br/>Heading/Subheading</i> | (3)<br><i>Description of goods</i> |
|----------------------------------------------|-----------------------------------------------------|------------------------------------|
| “                                            | 1404.90 000                                         | Mulch mat”.                        |

Dibuat 16 Oktober 2002  
[Sulit KE. HT(117) 106/HI-28 SK.1; Perb. CR(8.09) 198-43 Vol. 7 (Sk. 18); PN(PU<sup>2</sup>)102/XII]

Bagi pihak dan atas nama Menteri Kewangan

CHAN KONG CHOY  
*Timbalan Menteri Kewangan*

**SALES TAX ACT 1972**

**SALES TAX (EXEMPTION) (AMENDMENT) (No. 7) ORDER 2002**

IN exercise of the powers conferred by section 8 of the Sales Tax Act 1972 [*Act 64*], the Minister makes the following order:

**Citation and commencement**

1. (1) This order may be cited as the **Sales Tax (Exemption) (Amendment) (No. 7) Order 2002**.

(2) This Order comes into operation on 24 October 2002.

**Amendment of Schedule A**

2. The Sales Tax (Exemption) Order 1980 [*P.U. (A) 365/80*] is amended in Schedule A by inserting after subheading 1402.20 000 and the particular relating to the subheading the following particular:

| (1)<br><i>Customs<br/>Tariff<br/>Chapter</i> | (2)<br><i>Customs Tariff<br/>Heading/Subheading</i> | (3)<br><i>Description of goods</i> |    |
|----------------------------------------------|-----------------------------------------------------|------------------------------------|----|
| “                                            | 1404.90 000                                         | Mulch mat                          | ”. |

Made 16 October 2002  
[Sulit KE. HT(117) 106/HI-28 SK.1; Perb. CR(8.09) 198-43 Vol. 7 (Sk. 18);  
PN(PU<sup>2</sup>)102/XII]

On behalf and in the name of the Minister of Finance

CHAN KONG CHOY  
*Deputy Minister of Finance*

**P.U. (A) 431.**

**AKTA LEVI KENDERAAN BARANG-BARANG 1983**

PERINTAH LEVI KENDERAAN BARANG-BARANG (PENGEKUALIAN) (PINDAAN) 2002

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 4(1) Akta Levi Kenderaan Barang-Barang 1983 [*Akta 294*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Levi Kenderaan Barang-Barang (Pengekualian) (Pindaan) 2002.**

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 24 Oktober 2002.

**Pindaan Jadual IV**

2. Perintah Levi Kenderaan Barang-Barang (Pengekualian) 1983 [*P.U. (A) 549/83*] dipinda dalam Jadual IV dengan memasukkan selepas butiran 14 butiran yang berikut:

- “15. Lapis konkrit bertetulang pratuang beruas untuk terowong gerak (Ruas Lapis Terowong).
16. Komponen bangunan pratuang seperti papak, tangga, anduhan muka dan sebagainya.
17. Cerucuk segi empat sama konkrit bertetulang.
18. Lurang konkrit pratuang.
19. Rasuk dan galang kotak konkrit prategasan.

20. Landas rel konkrit.
21. Blok turap konkrit.
22. Tiang konkrit pintal prategasan.
23. Papak cegah hakis pantai konkrit pratuang.
24. Ruas pratuang untuk CT06 (lapik terowong).
25. Ruas pembedungan terowong dalam.
26. Ruas terowong kabel gelap.
27. Paip berdiameter besar.”.

Dibuat 17 Oktober 2002

[3 Sulit KE. HE(96)009/11-1; Perb. R (8.20) 116/1-139 Vol. 6;  
PN(PU<sup>2</sup>)413/II]

Bagi pihak dan atas nama Menteri Kewangan

CHAN KONG CHOY  
*Timbalan Menteri Kewangan*

## GOODS VEHICLE LEVY ACT 1983

### GOODS VEHICLE LEVY (EXEMPTION) (AMENDMENT) ORDER 2002

IN exercise of the powers conferred by subsection 4(1) of the Goods Vehicle Levy Act 1983 [Act 294], the Minister makes the following order:

#### **Citation and commencement**

1. (1) This order may be cited as the **Goods Vehicle Levy (Exemption) (Amendment) Order 2002**.

(2) This Order comes into operation on 24 October 2002.

#### **Amendment of Schedule IV**

2. The Goods Vehicle Levy (Exemption) Order 1983 [P.U. (A) 549/83] is amended in Schedule IV by inserting after item 14 the following items:

- “15. Segmental precast reinforced concrete linings for bored tunnels (Tunnel Lining Segments).
16. Precast building components e.g. slab, staircase, facade fall, etc.
17. Reinforced concrete square piles.
18. Precast concrete manholes.
19. Prestressed concrete beams and box girders.

20. Concrete railway sleepers.
21. Concrete paving blocks.
22. Prestressed spun concrete poles.
23. Precast concrete coastal erosion slabs.
24. Precast segment for CT06 (tunnel lining).
25. Deep tunnel sewerage segment.
26. Cable dark tunnel segment.
27. Large diameter pipe.”.

Made 17 October 2002

[3 Sulit KE. HE(96)009/11-1; Perb. R (8.20) 116/1-139 Vol. 6;  
PN(PU<sup>2</sup>)413/II]

On behalf and in the name of the Minister of Finance

CHAN KONG CHOY  
*Deputy Minister of Finance*

Hakcipta Pencetak 

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
CAWANGAN KUALA LUMPUR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA